

(Siri 5) - Al-Qaradawi

Buku-Buku Karangan al-Qaradawi (Siri Kelima)

Oleh: Mohd Rumaizuddin Ghazali
Timbalan Presiden ABIM

Al-Qaradawi telah mengarang hampir seratus buah buku dalam pelbagai bidang keilmuan Islam terutama dalam bidang sosial, dakwah dan pengajian Islam. Buku-buku beliau sangat diminati oleh umat Islam seluruh dunia. Bahkan buku-buku tersebut telah diulang cetak berpuluh-puluh kali dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Di samping itu, buku-buku tersebut dapat menjelaskan wawasan perjuangan dan pemikiran al-Qaradawi secara lebih terperinci.

1. Fikah dan Usul Fiqh

Sebagai seorang ahli fikah, beliau telah menulis beberapa buah buku yang terkenal seperti berikut :

1. Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam, (Halal dan Haram dalam Islam), al-Maktab al-Islami, Beirut, 1980.
2. Fatawa Mu'asarah, 2 jilid (Fatwa-Fatwa Semasa), Dar al-Wafa', Kaherah., 1993
3. Al-Ijtihad fi al-Shari'at al-Islamiah, (Ijtihad dalam syariat Islam), Dar al-Qalam, Kuwait, 1996
4. Madkhal li Dirasat al-Shari'at al-Islamiah, (Pengenalan Pengajian syariat Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1997
5. Min Fiqh al-Dawlah al-Islamiah, (Fiqh Kenegaraan), Dar al-Shuruq, Kaherah, 1997
6. Nahw Fiqh Taysir, (Ke arah fiqh yang Mudah), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1999
7. Al-Fatwa bayn al-Indibat wa al-Tasayyub, (Fatwa-fatwa antara Kejituan dan Pencerobohan), Dar al-Sahwah, Kaherah, 1992
8. Al-Fiqh al-Islami bayn al-Asalah wa al-Tajdid, (Fikah Islam antara ketulenan dan Pembaharuan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1999
9. Awamil al-Sa'ah wa al-Murunah fi al-Syari'ah al-Islamiah (Faktor-Faktor kelenturan dalam syariah Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1999
10. Al-Ijtihad al-Mu'asir bayn al-Indibat wa al-Infirah, (Ijtihad Semasa antara kejituan dan kecuaiian), Dar al-Tawji' wa al-Nashr, Kaherah, 1994
11. Fiqh al-Siyam, (Hukum Tentang Puasa), Dar al-Wafa', Kaherah, 1991
12. Fiqh al-Taharah, (Hukum Tentang Kebersihan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 2002
13. Fiqh al-Ghina' wa al-Musiqa (Hukum Tentang Nyayian dan Muzik), Maktabah Wahbah, Kaherah, 2001
14. Fi Fiqh al-Aqaliyyat al-Muslimah, (Fiqh minoriti Muslim) Dar al-Shuruq, Kaherah, 2001

2. Ekonomi Islam

15. Fiqh al-Zakat 2 Juzuk (Fikah Tentang Zakat), Muassasah al-Risalah, Beirut,
16. Mushkilat al-Faqr wa kayfa Alajaha al-Islam, (Masalah kefakiran dan bagaimana Islam mengatasinya), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1980
17. Bay' al-Murabahah li al-Amri bi al-Shira; (Sistem jual beli al-Murabah), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1987
18. Fawa'id al-Bunuk Hiya al-Riba al-Haram, (Faedah bank itulah yang diharamkan), Dar al-Wafa', Kaherah, 1990
19. Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami, (Peranan nilai dan akhlak dalam ekonomi Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1998
20. Dur al-Zakat fi alaj al-Musykilat al-Iqtisadiyyah, (Peranan zakat dalam Mengatasi Masalah ekonomi), Dar al-Shuruq, kaherah, 2001

3. Pengetahuan tentang al-Quran dan al-Sunnah.

Al-Qaradawi juga melakukan kajian mengenai al-Quran dan al-Sunnah terutama dalam memahami metodologi, car berinteraksi dan membetulkan kefahaman mengenai al-Quran dan al-Sunnah. Dalam bidang ini beliau telah menulis :

21. Al-Aql wa al-Ilm fi al-Quran, (Akal dan Ilmu dalam al-Quran), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1996
22. Al-Sabru fi al-Quran, (Sabar dalam al-Quran), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1989
23. Tafsir Surah al-Ra'd, (Tafsir surah Ra'd), Dar al-Bashir, Kaherah, 1996,
24. Kayfa Nata'amal ma'a al-Sunnah al-Nabawiyah, (Bagaimana berinteraksi dengan sunnah), Dar al-Shuruq, Kaherah, 2000
25. Madkhal li Dirasat al-Sunnah, (Pengantar mempelajari sunnah), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1992
26. Kayfa Nata'amal ma'a al-Quran, (Bagaimana berinteraksi dengan al-Quran), Dar al-Shuruq, Kaherah, 1999
27. Al-Muntaqa min al-Taghib wa al-Tarhib (hadith-hadith terpilih mengeni berita gembira dan peringatan), Dar al-Wafa, Kaherah, 1993
28. Al-Sunnah Masdaran li al-Ma'rifah wa al-Hadarah, (Sunnah sebagai sumber pengetahuan dan tamadun), Dar al-Shuruq, Kaherah, 1997

4. Akidah Islam

Mengenai persoalan tauhid, al-Qaradawi telah menulis beberapa buah buku :

29. Wujud Allah, (Adanya Allah), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1990
30. Haqiqat al-Tawhid, (Hakikat Tauhid), Maktabah Wahbah, Kaherah, 19
31. Mawqif al-Islam min al-Ilham wa al-Ksh wa al-Ruq'a wa Min al-Kananah w al-Tarna'im wa al-Ruqa. (Posisi Islam mengenai Ilham, kasyaf, mimpi, ramalan, pencegah kemalangan dan jampi), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1994
32. Iman bi Qadr, (Keimanan kepada Qadar), Maktabah Wahbah, Kaherah,

5. Dakwah dan Pendidikan

Al-Qaradawi juga merupakan seorang juru dakwah yang penuh semangat. Dalam bidang ini beliau telah menulis buku-buku terkenal :

33. Thaqafat al-Da'iyah, (Wawssan Seorang juru dakwah), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1991
34. Al-Tarbiah al-Islamiah wa Madrasah Hassan al-Banna,, (Pendidikan Islam dan ajaran Hassan al-Banna), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1992
35. Al-Rasul wa al-Ilmi, (Rasul dan Ilmu), Muassasah al-Risalah, Beirut, 1991
36. Al-Waqt fi Hayat al-Muslim (Waktu dalam kehidupan seorang Muslim), Dar al-Sahwah, Kaherah, 1991
37. Risalat al-Azhar bayn al-Ams al-Yawmi wa al-Ghad, (Risalah al-Azhar antara semalm, hari ini dan besok), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1984
38. Al-Ikhwan al-Muslimun sab'in Amman fi al-Da'wah wa al-Tarbiyyah, (Ikhwan al-Muslimun selama 70 tahun dalam dakwah dan Pendidikan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1999

6. Kepastian mengatasi Masalah dengan cara Islam

Menurut pandangan al-Qaradawi, Islam adalah suatu kepastian yang wajib diikuti untuk mengatasi semua masalah yang kita hadapi. Tidak ada suatu sistem yang dapat mengatasi persoalan umat kecuali Islam. Malah apa-apa sistem selain Islam hanya akan menambahkan luka parah yang sudah di alami umat. Mengenai masalah ini beliau telah menulis :

39. Al-Hulul al-Mustwaradah wa Kayfa janat 'ala Ummaatina, (Penyelesaian Import : bagaimana ia Menghentam Umat kita), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1993
40. Al-Hall al-Islami faridatan wa daruratan (Mengatasi masalah dengan cara Islam adalah suatu kewajiban dan kepastian), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1987
41. .Bayinat al-hall al-Islami wa Syubhat al-Ilmaniyyin wa al-Mustaqhribin, (Penjelasan mengatasi masalah dengan cara Islam dan tuduhan orang Barat dan pengnut sekular), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1988
42. 'Ada' al-hall al-Islami, (Musuh-musuh dalam penyelesaian cara Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 2000

7. Tokoh Islam

Al-Qaradawi jug menulis beberapa buah buku tentang sejarah hidup para tokoh :

43. Al-Imam al-Ghazali bayn Madihi wa Naqidihi, (Imam al-Ghazali antara para pemuja dan pengkritiknya). Dar al-Wafa', Kaherah, 1988
44. Al-Shaykh al-Ghazali Kama Araftuhu Khilala Nisf al-Qarn (Syeikh al-Ghazali seperti yang saya kenal selama setengah abad), Dar al-Wafa', Kaherah, 1995
45. Nisa Mu'minat, (Para Wanita Beriman), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1979
46. Abu Hasan al-Nadwi Kama 'Araftuh, , (Abu Hassan al-Nadwi seperti yang saya kenal) Dar al-Fikr, Beirut, 2001
47. Fi Wada' al-'A'lam (Memperingati Pemergian Tokoh-Tokoh), Dar al-fikr, Beirut, 2003

8. Dalam bidang Akhlak berdasarkan al-quran dan al-sunnah

48. Al-Hayat al-Rabbaniyah wa al-'ilm, (Kehidupan Rabbani dan Ilmu), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1995.
49. Al-Niyat wa al-Ikhlās (Niat dan Keikhlasan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1995
50. Al-Tawakkal (Bertawakal kepada Allah), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1995
51. Al-Tawbah ila Allah (Taubat kepada Allah), Maktabah Wahbah, Kaherah, 2000

9. Kebangkitan Islam

Kebangkitan Islam yang sedang rancak dan merebak ke seluruh dunia kebelakangan ini juga menjadi perhatian al-Qaradawi. Beliau adalah seorang tokoh aktivis yang sering memberikan gagasan-gagasan yang meluruskan hala-tuju gerakan kebangkitan Islam pada jalan tengah dan mencakupi hampir semua permasalahan umat. Tulisan beliau dalam persoalan ini menyeluruh, mendalam dan bersesuaian dengan realiti semasa. Al-Qaradawi dalam masalah ini telah menulis beberapa buah buku yang terkenal :

52. Al-Sahwah al-Islamiah Bayn al-Juhud wa al-Tatarruf (Kebangkitan Islam antara penolakan dan sikap ekstrim), Dar al-Wafa'’, Kaherah, 1992
53. Al-Sahwah al-Islamiah bayn al-Ikhtilaf al-Mashru'’ wa al-Tafaruq al-Madzmum, (Kebangkitan Islam antara perbezaan pendapat yang dibolehkan dan perpecahan yang tercela), Dar al-Wafa'’, Kaherah, 1991
54. Al-Sahwah al-Islamiah wa Humum al-Watan al-Arabi (Kebangkitan Islam dan keresahan negara-negara Arab), Dar al-Sahwah, Kaherah, 1993
55. Min Ajli Sahwah rashidah Tujaddid al-Din wa Tanhad bi Dunya (Untuk mencapai kebangkitan yang sedar, yang membaharui agama dan membaiki dunia), Dar al-Wafa'’, Kaherah, 1995
56. Awlawiyyat al-Harakah al-Islamiyyah fi al-Marhalah al-Qadimah (Keutamaan gerakan Islam pada masa depan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 2001
57. Fi Fiqh al-Awlawiyyat (Fikah Memahami keutamaan-keutamaan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 2000
58. Al-Islam wa al-Ilmaniyyah wajhan li wajhin (Islam dan sekularisme secara berdepan), Maktabah Wahbah, kaherah, 1997
59. Ayna al-Khalal? (Di manakah kesalahannya?), Dar al-Sahwah, Kaherah, 1985
60. Al-Syariat al-Islamiah Solihah li tatbiq fi Kulli Zaman wa makan (Syariat Islam sesuai dilaksanakan setiap masa dan tempat), Dar al-Sahwah, Kaherah, 1993
61. Al-Ummah al-Islamiyyah haqiqatun la wahm (Umat Islam adalah suatu hakikat dan bukan khayalan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1995
62. Al-Thaqafah al-Islamiyyah bayn al-Asalah wa al-Mu'asarah (Pengetahuan Islam antara ketulenan dan pembaharuan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1994
63. Ghair al-Muslimin fi al-Mujtama'’ al-Islam (Orang Bukan Islam dalam masyarakat Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1992
64. Al-Muslimun wa al-Aulamah, (Kaum Muslim dan globalisasi), Dar al-Tawji'’ wa al-Nashr, Kaherah, 2000
65. Al-Islam wa Hadarah al-ghad (Islam Tamadun Masa Depan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1995
66. Al-Tataruf al-Ilmani fi Muwajahat al-Islam, (Ektremis Sekular dalam Menghadapi Islam), Andalusiah li Nashr, Kaherah, 2000
67. Al-Sahwah al-Islamiah min al-Murahaqah ila al-Rusyd, (Kebangkitan Islam dari transisi kepada panduan), Dar al-Shuruq, Kaherah, 2002

10. Penyatuan fikrah bagi Petugas Islam

Al-Qaradawi juga menulis buku mengenai asas – asas yang diperlukan bagi petugas Islam dengan mengambil kira asas pendidikan yang telah ditetapkan oleh Hassan al-banna. Antaranya ialah :

68. Syumul al-Islam (Kesempurnaan Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1991
69. Al-Marji'’yyat al-Ulya fi al-Islam al-Quran wa al-Sunnah (Sumber rujukan tertinggi dalam Islam ialah al-Quran dan al-Sunnah), Muassasah al-Risalah, Beirut, 1993
70. al-Siyasah al-Syar'’iyah fi daw'’ nusus al-Shari'’at wa Maqasiduha (siyasah syar'’iyah menurut syariat dan matlamatnya), Maktabah Wahbah, Kaherah,
71. Kayfa Nata'’amal Ma'’a al-Turath (Bagaimana Berinteraksi dengan Buku-buku klasik), Maktabah Wahbah, Kaherah, 2001
72. Nahw Fiqh Muyassar mu'’asirah, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1999

11. Kefahaman Islam

Al-Qaradawi juga menulis tentang kefahaman Islam dengan pendekatannya yang mudah dan jels. Antaranya ialah :

73. Al-Iman wa al-Hayat (Iman dan Kehidupan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1990
74. Al-Ibadat fi al-Islam (Ibadat dalam Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1985
75. Al-Khasas'’is al-Ammah li al-Islam (Keistimewaan Agama Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1989
76. Madkhal li Ma'’rifah al-Islam, (Pengantar Mengenali agama Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1996
77. Al-Nass wa al-Haq (Manusia dan Kebenaran), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1993
78. Jil al-Nasr al-Mansyud (Generasi Kemenangan yang dinantikan), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1998

79. Durus al-Nakbah al-Thaniah (Pengajaran mengenai musibah kedua), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1993
80. Khatab al-Shaykh al-Qaradawi 5 jilid (Khutbah Syekh al-Qaradawi), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1997
81. Liqaat wa Muhwarat hawla Qadaya al-Islam wa al-Asr (Perbincangan tentang permasalahan Islam dan semasa), Maktabah Wahbah, Kaherah, 2001
82. Qadaya Mua'sarah ala basat al-Baith (Kajian mengenai permasalahan semasa)
83. Ri'ayah al-bai'ah fi Syariat al-Islam (Memelihara alam Sekitar Menurut Syariat Islam), Dar al-Shuruq, Kaherah, 2001

12. Bidang Kesussateran dan syair

84. Nafahat wa Lafahat (Syair), Dar al-Wafa', Kaherah.
85. al-Muslimun Qadimun (Orang Muslim Maju) (Syair), Dar al-Wafa', Kaherah,
86. Yusuf al-Sadiq, (Nabi Allah Yusuf) (Drama), Maktabah Wahbah, Kaherah,
87. Alim wa Taghiyyat, (Golongan Ulamak dan Golongan Pelampau) (Drama), Maktabah Wahbah, 1998

13. Risalah Kecil Mengenai Kebangkitan Islam

88. Al-Din fi 'Asr al-'Ilm (Agama dalam dunia Ilmu Pengetahuan). Maktabah Wahbah, Kaherah, 1995
89. Al-Islam wa al-Fann (Islam dan Kesenian), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1996
90. Al-Niqab al-Mar'ah (Pemakaian tudung bagi wanita), Maktabah Wahbah Kaherah, 1996
91. Markaz al-Mar'ah fi al-Hayat al-Islamiah (Kedudukan wanita dalam kehidupan Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1996
92. Fatawa al-Mar'ah al-Muslimah (Fatwa-fatwa tentang wanita Muslimah, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1996
93. Jarimah al-riddah (Jenayah Murtad), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1996
94. Al-Aqaliyyat al-Diniyyat wa hulli al-Islami (Minoriti agama dan Penyelesaian Islam, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1996
95. Al-Mubasyirat bintisar al-Islamiah (Berita Kemenangan Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1996
96. Mustaqbal Usuliyah al-Islamiah (Masa Depan golongan fanatik Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1997
97. Al-Quds Qadiyah likulli al-Muslim (Quddus tanggungjawab setiap muslim), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1998
98. Hajat al-Basyariah ila al-Risalah al-Hadariah li Ummatina (Kepeluan Manusia kepada risalah ketamdukan kita), Maktabah Wahbah, Kaherah, Kaherah, 2000
99. Fatawa min ajli Palastin, (Fatwa-fatwa tentang Palestin), Maktabah Wahbah, Kaherah, 2003
100. Zahirah al-Ghulu fi Takfir (Fanatik dalam Mengkafir), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1990

Kumpulan Ceramah-Ceramah Yusuf al-Qaradawi

101. al-Sunnah wa al-Bida'ah, (Sunnah dan Bidah), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1999
102. Zawaj al-Maysar, haqiqat wa Hukm, (Perkahwinan Maysar hakikat dan hokum), Maktabah Wahbah, 1999
100. Dawabit al-Shar'iyah libina'ah; al-Masajid, (prinsip syariat dalam Membina masjid), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1999
101. Mawqif al-Islam al-Aqdi min kufr al-Yahudi wa al-Nasara, (Pendirian islam terhadap perjanjian dengan Yahudi dan Nasr), Maktabah Wahbah, Kaherah, 1999
102. Al-Juwaini Imam al-Haramain, (Juwaini Imam Haramain), Maktabah Wahbah, Kaherah, 2000
103. Al-Istishaq wa al-Tubna fi Shari'at al-Islamiah, (Penamaan dalam Syariat Islam), Maktabah Wahbah, Kaherah,
104. Umar ibn Abdul Aziz, (Umar bin Abdul Aziz), Maktabah Wahbah, 2001
105. Likay Tanjaha Muassasah al-Zakat, (Semoga Institusi zakat Berjaya), Muassasah al-Risalah, Beirut, 1994,

Di samping itu, al-Qaradawi jug menulis artikel di jurnal. Dalam majalah al-Muslim al-Mua'sir beliau menulis sebanyak 8 artikel sejak diterbitkan pada tahun 1974. Antaranya ialah :

1. Fiqh al-Islami bayna al-Asalah wa al-Tajdid (Fiqh Islam antara keaslian dan pembaharuan) dua siri.
2. Al-Fatwa bayna al-Madiyy wa al-Hadir (Fatwa antara dahulu dan sekarang), dua siri
3. Zhahirah al-Ghulu fi Takfir (kefanatikan dalam mengkafir)
4. Nahwa Mawsu'ah li hadith al-Nabawi (Ke arah ensiklopedia hadith nabi)
5. Ray'u fi Ijtihad l-Mu'asir (Pandangan dalam Ijtihad semasa)
6. Al-Harakah al-Islamiah fi Majal al-Fikr wa al-'Ilm (Gerakan Islam dalam bidang Pemikiran dan Keilmuan)

Al-Qaradawi jug menulis dalam Jurnal Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Qatar yang mula diterbitkan pada tahun 1980. Antaranya ialah:

1. Mubadi'ah wa qayyim li ta'lim fi daw' al-Sunnah al-Atarah (Asas dan Nilai dalam pembelajaran

menurut sunnah)

2. Awalim al-Sa'ati wa al-Murunah fi Shari'at al-Islamiah, (prinsip keluasan dan fleksibel dalam syariat Islam)
3. Fi fiqh al-Rada' Numuzaj li fiqh al-Muqaran fi daw'i al-quran wa al-sunnah (Fiqh penyusunan, contoh bagi fiqh perbandingan menurut al-Quran dan al-sunnah)
4. Al-Hullu al-Islami bayn al-Juhud wa Tatawwur (Penyelesaian Islam antara kebekuan dan perkembangan)
5. Imam al-Ghazali bayn Madhiyyah wa Naqadiyyah (Imam al-Ghazali antara pujian dan kritikan)
6. Al-Ilham wa al-Kashaf wa al-ru'ya hal ta'udu masadir li ahkam al-shari'ah (Ilham, kashaf dan mimpi, adakah ia dikira sebagai sumber bagi hukum-hukum syariat)
7. Hal ru'ya min wasa'il al-'Ilmi bi ahkam (Adakah mimpi merupakan salah satu cara ilmu dalam hukum)
8. Al-Qayyim al-Insaniah fi al-Islam (Nilai-nilai kemanusiaan dalam Islam)
9. Al-Tarbiyyah inda Imam al-Syatibi (Pendidikan menurut Imam al-Syatibi)
10. Hiwar hawla alaqah bayn al-Nass wa al-Ijtihad (Dialog mengenai hubungan nas dengan ijtihad)
11. Nazarat fi fiqh al-Awwlawiyyat – al-awwlawiyyt fi majal al-'Ilmi wa al-Fikr wa Da'wah (kajian fiqh keutamaan –keutamaan dalam bidang ilmu, pemikiran dan dakwah)

Sebahagian daripada artikel-artikel tersebut telah diterbitkan sebagai buku tu risalah-risalah kecil. Antaranya ;

1. Nahwa Fiqh Maysar mu'asir (Menuju fiqh kemudahan semasa)
2. Nazariat fi Turath Shaykh al-Ghazali, (Kajian mengenai Turath Syeikh al-Ghazali)
3. Kayfa Nata'amal ma'a al-Quran (Bagaimana berinteraksi dengan al-Quran)

Al-Qaradawi juga menulis kertas kerja dalam pelbagai persidangan antarabangsa . antaranya ialah Mukhtar zakat Pertama yang diadakan di Kuwait pada 30 April 1984 yang bertajuk “Kesan Zakat kepada individu dan masyarakat”.

Pada awal tahun 1950n, al-Qaradawi menulis isu-isu kezaliman yang dilakukan oleh pemerinth Mesir di bawah Raja Faruk. Beliau menulis risalah-risalah kecil seperti alim wa taghiyyat yang menggunakan uslub drama. Al-Qaradawi menjelaskan mengenai kebenaran said bin Jubair berdepan dengan Hujaj bin Yusuf dalam menyatakan kebenarn. Al-qaradawi menyeru orang ramai supaya berpendirian seperti Said bin Jubair. Al-Qaradawi menyebutkan bahawa beliau melihat kisah Said Jubair dengan Hujaj mempunyai banyak kesesuaian kerana drama tersebut mempunyai satu matlamat khususnya dalam memerangi golongan yang zalim seperti kezaliman Hujaj, maka perlu kita mengambil pendirian seperti pendirian Said Jubair. Oleh sebab itu, al-Qaradawi menulis drama ini, satu pertiga ditulis di penjara Tur dan bakinya selepas keluar penjara. Dari sini jelaslah bahawa isu utama yang dibawa oleh al-Qaradawi dalam buku ini iaitu menentang kezaliman oleh penguasa Mesir ketika itu.

Pada tahun 1968, al-Qaradawi menulis buku mengeni Palestin selepas Yahudi menguasai masjid al-Aqsa pada tahun 1967. Beliau menulis dalam buku Durus al-Nakbah al-Thaniyyah (Pengajaran dari musibah Kedua) yang menerangkan sebab-sebab musibah yang menimpa umat Islam dan bagaimana factor bagi mencapai kemenangan. Al-Qaradawi menekankan bahawa perlunya umat Islam kembali kepada penghayatan Islam secara menyeluruh yang merupakan syarat utama untuk kemenangan umat Islam. Di samping itu, al-Qaradawi menulis buku Jil al-Nasr al-Mansyud yang khusus ditujukan kepada pemuda-pemuda palestini.

Pada tahun 1970an al-Qaradawi menulis buku-buku yang berkaitan Islam sebagai alternatif terbaik untuk manusia. Perkara ini disebabkan kegagalan kapitalis dan sosialis dalam menyelesaikan permasalahan manusia. Pada tahun 1971, beliau menulis buku Penyelesaian import dan bagaimana ia mengentam umat Kita. Pada tahun 1977, beliau menulis buku Shari'at al-Islamiah (Syariat Islam sesuai untuk pelaksanaan setiap masa dan tempat) Buku ini asalnya merupakan kertas kerja yng dibentangkan di Nadwah Perundangan di Libya pada Mei 1972. pada tahun 1974, al-Qaradawi menulis buku Penyelesaian Islam Tuntutan dan Darurat ymerupakan siri kedua dalam siri penyelesaian Islam. Pada tahun 1977, al-Qaradawi menerbitkan buku Khasa'is al-Islamiah (Keistimewaan agama Islam). Apabila isu kafir mengkafir semakin memuncak di kalangan umat Islam, beliau menulis buku tentang fenomena fanatik dalam kafir mengkafir.

Al-Qaradawi jug menulis buku yang berkaitan dengan ekonomi Islam. Beliau menulis mengeni permasalahan miskin dan pandangan Islam mengeninya pada tahun 1966. buku tersebut mencertakan sikap Islam terhadap kemiskinan dan bahaya kepada akidah umat islam. Menurut al-wqaradawi, beliau sentiasa mengambil perhatian dalam isu-isu syariat Islam dan sentisa menyeru dilaksanakan dalam segala aspek kehidupn. Prihatin beliau semakin bertambah apabila beliau mengkaji mengenai zakat dalam memenuhi keperluan ph.d pada tahun 1973.

Pada tahun 1983, beliau menerbitkan buku sistem jual beli al-murabahah bagi menjelaskan isu tersebut akibat perselisihan pendapat mengenai sistem tersebut yang dijalaankn oleh bank-bank.pada thun 1990, al-Qaradawi menulis buku tentang riba yang diharamkn bagi menjelskan fatawa yang dikeluarkan oleh Muhammad Sayyid al-Tantawi yang menjadi mufti Mesir ketika itu.

Pada tahun 1994, beliau mengarang buku tentang nilai dan akhlak dalam ekonomi Islam. Dalam buku ini, Al-Qaradawi menekankan 4 ciri utama ekonomi Islam iaitu rabbaniah, kemanusiaan, kesederhanaan dan akhlak. Pada tahun yang sama, al-qardawi jug menerbitkan risalah kecil mengenai cara –cara untuk menjayakan institusi zakat. Di sini jelas menunjukkan ketokohn al-Qaradawi dalam menangani isu-isu ekonomi semasa dan menjadikan ekonomi islam sebagai astu alterntif kepada ekonomi sosialis dn kapitalis. Walaupun beliau bukan gradun darim kuliah ekonomi tetapi keprihatinan beliau dalam menngani isu-isu baru yng timbul dalam system ekonomi wajar diberi pengiktirfan. Semas beliau datang ke Malaysia, beliau memberi ceramah mengenai ekonomi kepada pegawai –pegawai bank sambil bertukar-tukar pandangan. Beliau telah menegaskan bahawa kegiatan pembangunan ekonomi umat Islam mestilah bersesuaian dengan sistem syariat.

Al-Qaradawi jug menulis mengenai gerakan Islam dan kebangkitan islam sejagat. Beliau menulis tentang buku Al-Sahwah al-Islamiah bayn al-Juhud wa tatarruf (kebangkitan Islam antara penolakan dan sikap ekstrim) pada tahun 1982, buku al-sahwah al-islamiah bayn al-iktilaf al-Masru’ wa iktilaf al-Mazmum (kebangkitan Islam antara perbezaan pendapat yang dibolehkan dan perbezaan yang tercela) pada tahun 1989, buku al-awlawwiyat al-harakah (keutamaan gerakan) pada tahun 1990. Buku tersebut menyatakan peranan dan keutaman gerakan Islam kini.

Dalam bidang ketokohan juga, al-Qaradawi menulis sejarah hidup wanita-wanita solehah seperti Khadijah bin Khuwailid, Fatimah al-Zahra’, Asma’, Ummu Sulaim dan Ummu Imarah dalam buku Nisa’ al-Mu’minat (wanita Muslimah) yang diterbitkan pada tahun 1979. kemudian beliau, menulis mengenai Imam al-Ghazali pada tahun 1987, sejarah hidup dan hubungannya akrabnya dengan Muhammad al-Ghazali pada tahun 1994 dan sejarah hidup Abu Hassan al-Nadwi pada tahun 2001. Al-Qaradawi juga menulis syarah kepada usul ashirin (20 perkara-perkara asas) yang dikarang oleh Hassan al-Banna. Al-Qaradawi menulis buku-buku tersebut ats nama ke arah Penyatuan pemikiran untuk petugas Islam. Sehingga kini ada lima buah buku yang diterbitkan dalam siri ini. Al-Qaradawi juga menulis buku-buku yang bercorak tasauf dan kerohanian atas tajuk fiqh akhlak dalam al-Quran dan al-Sunnah. Sebanyak 4 buah buku telah diterbitkan dalam siri ini.

Al-Qaradawi merupakan seorang ulamak yang gigih dalam mempertahankan dan menjelaskan Islam melalui buku-bukunya. Buku-buku karangannya melebihi 100 buah buku amat baik dibaca, diteliti dan dikaji oleh anak-anak muda dalam membentuk pemikiran Islam. Hasil mutiara pemikirannya perlu digarap sepenuhnya oleh generasi kini dan akan datang. Ketokohnya dalam penulisan dan menjadi perisai dalam mempertahankan Islam harus diberi penghargaan. Dalam abad ini antara ulamak yang banyak menulis buku ialah Muhamad al-Ghazali, Yusuf al-Qaradawi dan Wahbah al-Zuhaili.